



**Katsu Perunding** Sdn. Bhd. (1079965-V)

Lot-28057(B) Rumah Kedai Permint Perdana 4, Seberang Takir,  
21300 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman.

Tel : 09-6673456

Email : info@katsu.com.my

Faks: 09-6673457

www.katsu.com.my

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : KPSB/P-66/KUTT-01  
Tarikh : 11hb November 2024

**KORIDOR UTILITI TEKNOLOGI TERENGGANU SDN BHD**

Tingkat 1 & 2, Blok PT 4049

Jalan Sultan Zainal Abidin

20300 Kuala Terengganu

Terengganu Darul Iman

**U/P : Ketua Pegawai Operasi**

Tuan,

**PER : CADANGAN PEMBANGUNAN 96 UNIT RUMAH TERES 1 TINGKAT DI ATAS LOT 60813, MUKIM KUBANG BEMBAM, DAERAH BESUT, TERENGGANU DARUL IMAN.**

*~ Serahan Dokumen Lengkap Bagi Permohonan Kelulusan Izin Lalu*

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini, kami sertakan dokumen-dokumen / lampiran berkaitan untuk rujukan dan kelulusan pihak tuan:-

- i. Borang Kelulusan Izin Lalu (BKIL)
- ii. Lukisan Tapak (Pelan Skematik)
- iii. Peta Penandaan Lokasi
- iv. Gambar Lokasi

3. Mohon pihak tuan mengaturkan satu tarikh lawatan tapak bersama bagi menentukan serta meluluskan cadangan laluan yang dinyatakan seperti di atas.

4. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi pegawai kami **Ir. Jafni bin Alias** di talian **019-985 9573** dan pada emel **kpsb@katsu.com.my** untuk keterangan lanjut.

5. Perhatian serta kerjasama pihak tuan amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Hormat dari kami,

**KATSU PERUNDING SDN. BHD.**

Ir. Jafni bin Alias @ Sulong  
Pengarah



No. Rujukan Tuan :  
No. Rujukan Kami : TNB/RAN/BST 1151  
Tarikh : 09 OKTOBER 2024

**KATSU PERUNDING SDN BHD**

LOT-28057(B),  
RUMAH KEDAI PERMINT PERDANA 4,  
SEBERANG TAKIR,  
21300 KUALA NERUS,  
TERENGGANU DARUL IMAN.

Tuan,

**CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN 86 UNIT RUMAH TERES 1 JENIS A, 5 UNIT RUMAH TERES 1 JENIS B, 3 UNIT RUMAH TERES JENIS C, 2 UNIT RUMAH TERES 1 JENIS D DAN 1 UNIT PENCAWANG ELEKTRIK SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI KAMPUNG ALOR LINTAH DI ATAS LOT 60813, MUKIM KUBANG BEMBAM, DAERAH BESUT, TERENGGANU DARUL IMAN.  
– Permohonan Kebenaran Izinlalu**

Permohonan tuan berkaitan perkara di atas dirujuk.

Sukacita dimaklumkan pihak tuan perlu menguruskan permohonan kebenaran izinlalu laluan kabel (pemotongan terbuka, HDD, korekan atas jalan, korekan atas tanah) daripada Pihak **Koridor Utiliti Teknologi Terengganu** serta dengan pihak yang berkaitan sekiranya perlu seperti KTM (Keretapi Tanah Melayu), LLM (Lembaga Lebuhraya Malaysia), PGB (Petronas Gas Berhad), Gas Malaysia dan lain-lain termasuk menguruskan pembayaran kos-kos yang dikenakan oleh pihak terlibat bagi membolehkan pihak TNB memulakan kerja rentangan kabel.

2. Untuk makluman kebenaran izinlalu adalah diperlukan bagi pihak TNB merentang kabel ke projek pembangunan tuan. Dilampirkan pelan laluan kabel TNB bagi tindakan tuan selanjutnya.

3. Sila beri maklumbalas dengan kadar **SEGERA** untuk mengelakkan kelewatan memberi bekalan elektrik ke pembangunan pihak tuan.

Sekian, terima kasih.

**“ BETTER. BRIGHTER ”**



**MOHD YUSRI BIN AB LATIB**  
Ketua Asset/Jurutera Kanan  
Supply Planning 11kV & LV - Terengganu  
Asset Planning & Performance Zone  
Kelantan / Terengganu  
Bahagian Distribution Network, TNB.